

04 JUN 1999

JPA-Gaji

PENGUMUMAN POSITIF PELARASAN GAJI TIDAK LAMA LAGI

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Kerajaan akan membuat "pengumuman positif" mengenai pelarasan gaji yang dituntut oleh lima badan berkanun tidak lama lagi, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (JPA) Datuk Samsudin Osman.

Beliau berkata butiran terperinci mengenai keputusan itu akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedikit masa lagi.

Katanya "berita baik" itu telah dimaklumkan kepada wakil lima badan berkanun berkenaan semasa mereka membuat kunjungan ke pejabatnya hari ini.

"Dalam pertemuan itu saya telah memaklumkan bahawa satu pengumuman positif akan dibuat dan saya minta mereka menunggu pengumuman tersebut," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Lima badan berkanun itu ialah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Lebih 10,000 kakitangan daripada badan-badan berkanun berkenaan telah meminta pelarasan gaji atas alasan gaji mereka lebih rendah berbanding rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan awam.

Samsudin berkata wakil badan berkanun berkenaan telah memaklumkan bahawa mereka tidak akan meneruskan cadangan untuk mengadakan piket berikutan langkah terbaru kerajaan itu.

"Saya ucap terima kasih kepada semua wakil badan berkanun berkenaan kerana menerima perkara ini dengan bersangka baik," katanya.

Pada persidangan akhbar sebelum itu Samsudin menyatakan bahawa Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PPTD) akan menganjurkan Persidangan Pekhidmatan Awam Keempat 1999 selama tiga hari mulai 15 Julai.

Menurut beliau persidangan yang bertemakan "Transforming Human Resource Management in Meeting the Challenges of the Next Millennium" akan diadakan di Intan, Bukit Kiara.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Yuran penyertaan sebanyak RM200 dikenakan bagi seorang peserta yang mewakili sektor awam atau swasta, katanya.

Sementara itu, Presiden Cuepacs N.Siva Subramaniam berkata persetujuan kerajaan itu jelas membuktikan bahawa kerajaan bersedia menimbang permintaan yang dibuat oleh kakitangannya sekiranya tuntutan itu berpatutan.

Cuepacs juga berbesar hati kerana isu itu telah diberi perhatian serius oleh Dr Mahathir dan Samsudin, katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak yang dihubungi di Geneva berkata beliau telah dimaklumkan mengenai perkara itu oleh Perdana Menteri dalam sepucuk surat bertarikh 25 Mei lepas.

Zainal berada di Geneva bagi menghadiri persidangan tahunan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Dr Mahathir dalam suratnya memaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju untuk memberi pertimbangan terhadap tuntutan pelarasan gaji oleh lima badan berkanun berkenaan," katanya.

Beliau berkata MTUC telah menghantar surat bertarikh 26 Mei bagi mengucapkan terima kasih kerana keprihatinan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NY NMO